

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN WONG CHEN
(KELANA JAYA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 26.11.2014

Y.B. TUAN WONG CHEN [KELANA JAYA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jika Kementerian bersetuju dengan pandangan yang terkandung di dalam buku *Capital in the 21st Century* oleh Thomas Piketty dan adakah Kementerian mempunyai rancangan untuk memperkenalkan Capital Gains Tax dalam perdagangan saham dan adakah terdapat usaha untuk memperkenalkan duti harta pusaka.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, cukai keuntungan modal atau *capital gains tax* (CGT) di Malaysia merupakan satu bentuk cukai yang boleh dikenakan ke atas keuntungan yang diperoleh hasil dari penjualan atau pelupusan harta tanah atau saham dalam syarikat harta tanah. Secara perbandingan, bagi negara yang telah melaksanakan CGT, cukai lazimnya dikenakan ke atas keuntungan yang diperoleh daripada penjualan saham, bon, logam berharga dan harta tanah. Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) yang dikenakan ke atas keuntungan yang diperoleh daripada pelupusan harta tanah atau saham bagi syarikat harta tanah adalah bertujuan untuk menangani aktiviti spekulasi hartanah. Langkah mengenakan CKHT adalah perlu untuk memastikan pasaran dan pembangunan hartanah berjalan lancar dan seiring dengan pembangunan ekonomi yang mampu berdaya saing dalam jangka panjang.